



Headline: Mahu Pinjam RM5,000 tetapi rugi RM13,000
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 19 May 2018

Language: Malay
Section: Jenayah
Page: 63

Mahu pinjam RM5,000 tetapi rugi RM13,000

Kuantan: Seorang setiausaha sebuah syarikat swasta hilang hampir RM13,000, gara-gara mahu membuat pinjaman mudah RM5,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata kejadian berlaku ketika mangsa, seorang wanita berusia 32 tahun berada di Janda Baik, Bentong, ingin membuat pinjaman peribadi daripada syarikat Easy Loan.

"Mangsa melihat iklan pinjaman wang di Facebook (FB) dan kemudian menghubungi seorang lelaki bernama Wilson melalui aplikasi WhatsApp.

"Selepas berbincang, mangsa bersetuju membuat pinjaman RM5,000. Wanita itu kemudian memberi gambar kad pengenalan, penyata gaji dan bank melalui WhatsApp," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mangsa diarah buat bayaran

Mohd Wazir berkata, mangsa kemudian diminta membuat pembayaran bagi tujuan duti setem dan proses pinjaman berkenaan sebelum suspek memberi nombor akaun CIMB untuk pemindahan wang.

"Mangsa yang tidak mengesyaki apa-apa membuat beberapa bayaran bermula Selasa lalu sehingga Rabu menjadikan jumlah keseluruhan RM12,780," katanya.

Beliau berkata, mangsa akhirnya menyedari ditipu kerana tidak mendapat pinjaman walaupun sudah membuat bayaran.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan penduduk negeri ini supaya tidak mudah terpedaya dengan iklan pinjaman peribadi segera dalam laman sosial bagi mengelakkan daripada ditipu.